

Tiga generasi fasih berbahasa Jerman

- Muka 18



Datuk, nenek, anak, cucu fasih bahasa Jerman

► NUR HUMAIRA SAJAT
nrumaira@sph.com.sg

BIARPUN tekak sudah biasa makan sambal belacan, lidah tetap lebih selesa berbahasa Jerman.

Bukan satu, bukan dua, tetapi tiga generasi sekali gus menguasai bahasa ini.

Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
Dari datuk dan nenek yang mencorak langkah, hingga anak, kemudian cucu.

Encik Misrudin Anwar, 72 tahun, yang mula 'bertatih' dalam bahasa Jerman pada usia 30-an, berkongsi bahawa beliau memilih mempelajari bahasa Jerman kerana yakin ia mempunyai "nilai komersial" yang akan dapat membezakan dirinya daripada orang lain.

Beliau pada asalnya perlu belajar bahasa Belanda sebagai sebahagian daripada ijazah jurusan Pengajian Indonesia dan Melayu di Universiti London.

Tetapi, bekas guru bahasa Jerman itu memutuskan untuk belajar bahasa tersebut dan berjaya mendapat biasiswa untuk sambung belajar di Jerman.

Siapa sangka, cucunya, Cik Lydia Yasmin Taufiq, 22 tahun, menyusuli 'tradisi' keluarga itu untuk menceburi bahasa ketiga ini di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

"Keluarga saya sering berbual dalam bahasa Jerman dan saya

mahu menjadi sebahagian daripada itu.

"Kadangkala mereka buat lawak dalam bahasa Jerman dan saya tak faham," ujar pelajar jurusan Sastera Inggeris itu yang menambah itu merupakan antara motivasinya mendalami bahasa tersebut.

Mulanya sukar kerana terdapat banyak perbezaan dengan bahasa Inggeris serta Melayu.

Misalnya, huruf W bunyinya macam huruf V, manakala huruf V, bunyinya macam huruf F.

Namun, berkat bantuan ibu beliau, Cik Nur Jehan Misrudin Anwar, 49 tahun, serta datuk dan neneknya, Cik Jamaliah Yusuf, 67 tahun, mahasiswi ini sudah berjaya mencapai peringkat empat bagi elektif bahasa Jerman ini.

Beliau berhasrat mahu melanjutkan pelajaran bahasa itu ke peringkat lima, yang merupakan peringkat tertinggi ditawarkan Pusat Bahasa Modern di bawah Sekolah Kemusiaan, NTU.

Ibu Cik Lydia, Cik Nur Jehan pernah mempelajari bahasa Jerman sewaktu di peringkat GCE 'A', dan mak cik Cik Lydia, Cik Zeti Khalis Misrudin Anwar, 45 tahun, pula kini merupakan guru bahasa Jerman di Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan (MOELC).

Justeru, tidak hairanlah mereka dapat sama-sama bersembang dalam bahasa itu.

Malah, bahasa Jerman sudah sebatih dalam kehidupan mereka seke-



TIGA GENERASI: Cik Lydia Yasmin (tiga dari kanan) melihat buku teks bahasa Jerman bersama datuknya, Encik Misrudin (dua dari kiri), bapanya, Encik Taufiq Sanusi (kanan Cik Lydia); ibunya, Cik Nur Jehan (dua dari kanan) dan neneknya, Cik Jamaliah (kanan). Bersama mereka ialah pensyarah Jerman di NTU, Cik Patricia Lorenz (paling kiri). - Foto BH oleh ROSLEE ABDUL RAZAK

luarga sehingga ia menjadi salah satu perkara yang mempererat hubungan mereka.

Misalnya, apabila keluar makan bersama, kebanyakan masa, keluarga ini akan bertutur sesama sendiri dalam bahasa Jerman.

Bahkan, gelaran 'opa' dan 'omi' (yang bermaksud datuk dan nenek dalam bahasa Jerman) digunakan Cik Lydia untuk memanggil datuk dan neneknya.

Encik Misrudin berseloroh: "Mempelajari bahasa Jerman sesuatu yang lain daripada lain dan jika saya dapat mengajarnya kepada ahli keluarga saya, itu amat istimewa. Jadi bila kami berbual, tidak ada orang lain boleh faham!"

Minat datuk 10 cucu ini mempelajari bahasa baru tidak sekadar

terhenti setelah beliau menguasai bahasa Jerman sahaja.

Malah, beliau antara lain pernah mempelajari bahasa Arab dan bahasa Tamil secara sendiri.

Kesungguhan yang dilihat dalam datuknya inilah yang memberi inspirasi kepada Cik Lydia untuk berusaha menguasai bahasa baru.

Bahkan, anak sulung dalam tiga adik-beradik itu juga mahu mengajar adik-adiknya bahasa Jerman, kerana bagi beliau, ia sesuatu unik yang dikongsi keluarganya.

Tambahnya: "Mempelajari bahasa baru memperluas perspektif kita. Ia lebih daripada sekadar mengenali bahasa baru, tetapi kita juga dapat selami budayanya, makanannya dan lebih lagi."

"Mempelajari bahasa Jerman sesuatu yang lain daripada lain dan jika saya dapat mengajarnya kepada ahli keluarga saya, itu amat istimewa. Jadi bila kami berbual, tidak ada orang lain boleh faham!"

- Encik Misrudin Anwar, 72 tahun, yang mula 'bertatih' dalam bahasa Jerman pada usia 30-an.